

Sumbangan Prihatin Masyarakat OKU

Oleh: Nur Alya Zikraa Abdullah



Ramah Mesra antara YB Parlimen Pasir Puteh Dr Ustaz Nik Zawawi bersama keluarga penerima sumbangan

PASIR PUTEH 30 NOV- Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM10,000 menerusi sumbangan prihatin masyarakat OKU (Orang Kurang Upaya) di daerah tersebut yang diagihkan mengikut empat DUN kawasan iaitu Semerak, Selising, Gaal dan Limbongan.

Ahli Parlimen Pasir Puteh, Dr. Ustaz Nik Zawawi Salleh berkata, seramai 200 orang masyarakat OKU di empat DUN menerima sumbangan daripada pihak kerajaan dan pihaknya meneliti semua masalah golongan OKU yang terjejas dengan Pandamik Covid-19 yang melanda seluruh negara, antaranya dari kalangan golongan umur 15 hingga 70 tahun.

Menurutnya, penyampaian sumbangan prihatin dilakukan dengan kaedah 'Walk Thru' yang bertempat di Pusat Khidmat Pasir Puteh kerana berbahaya untuk orang ramai berkumpul dalam satu masa kerana pandemik yang melanda ini.

Katanya, walaupun dengan kaedah penyampaian 'Walk thru', Alhamdulillah majlis berjalan dengan lancar.

“Saya berharap agar golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih baik dan memupuk rasa syukur di atas nikmat yang diberi.” Turut hadir serta YB Adun Limbongan Ustaz Nazlan Hasbullah.

Salah seorang penerima Sumbangan Prihatin OKU, Mohd Zulkifli bin Deraman dari Dun Gaal berkata, walaupun dengan pandemik yang melanda negara, dia mengagahi juga pergi ke sana walaupun dengan hanya berkerusi roda untuk menerima bantuan tersebut kerana demi kelangsungan hidup isteri dan anak-anaknya.

“Saya berterima kasih kepada kerajaan atas sumbangan yang diberikan”, katanya yang hanya mengambil upah sebagai menoreh getah pada setiap hari.



YB Dun Limbongan Ustaz Nazlan menyampaikan bantuan kerusi roda kepada salah seorang penerima bantuan.

Sementara itu Dr. Ustaz Nik Zawawi Salleh berkata, sumbangan prihatin itu adalah untuk membantu masyarakat golongan OKU dalam apa jua keadaan sekalipun.

Selain itu, beliau juga berharap sumbangan prihatin ini dapat menampung kesusahan yang dialami oleh masyarakat yang memerlukan terutamanya daripada golongan OKU yang tiada ada kudrat mencari rezeki untuk keluarga mereka.

Berkata Dr. Ustaz Nik Zawawi Salleh lagi, “Saya sangat bersyukur dapat mengagihkan sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan iaitu sebagai salah satu nikmat yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada kita semua dan saya mengucapkan selamat maju jaya serta berdoa supaya mudah-mudahan berjaya dunia dan akhirat.